



JAMBATAN kayu dibina oleh kerajaan British.




PEMBINAAN jambatan konkrit dimulakan pada 1962.



JAMBATAN Kota dtenggelami banjir pada 1969.

Sejak pembinaan jambatan sekitar 1930-an, ekonomi dan pembangunan Kota Tinggi berkembang maju



JAMBATAN Kota menjadi antara mercu kebanggaan bandar Kota Tinggi.

Sejarah Jambatan Kota



“Kedudukan jambatan konkrit yang ada sekarang dibina di lokasi baru, berbanding jambatan asal yang dibina bertentangan dengan Balai Polis Trafik Kota Tinggi”

Mustafa Abu Bakar
Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) Kawasan

Oleh Amad Bahri Mardi

BANDAR Kota Tinggi yang dikenali sebagai Bandar Pelancongan Bersejarah, pernah menjadi ibu negeri kerajaan Johor Lama kira-kira 400 tahun lalu.

Bandar yang unik dan menarik itu menyimpan pelbagai kenangan dan sejarah termasuk tinggalan bangunan lama, makam diraja, kota pertahanan dan peristiwa bersejarah, selain jambatan paling penting yang merintang Sungai Johor di tengah-tengah bandar berkenaan.

Seperti bandar utama lain dunia, kebanyakan pusat bandar dipisahkan, dikelilingi atau disempadani oleh sungai, begitu juga bandar Kota Tinggi, pusat bandarnya dipisahkan Sungai Johor yang dicantumkan dengan 'Jambatan Kota'.

Sungai Johor menjadi laluan utama peniaga dan pedagang sejak pemerintahan Sultan Johor Kedua, Sultan Alauddin Riayat Syah pada 1528. Pada mulanya sungai itu digunakan baginda untuk mudik ke Pekan Tua sehinggalah ia menjadi laluan utama dan menjadi sibuk ketika kerajaan British bertapak di Kota Tinggi selepas membina balai polis pada 1819.

Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) Kawasan Kota Tinggi, Mustafa Abu Bakar, 64, berkata penduduk ketika itu

pan dan bot.

Bagaimanapun, katanya sekitar 1930-an, sebuah jambatan buat kali pertama dibina menghubungkan kedua-dua tebing Sungai Johor.

Melalui jambatan itu, katanya penempatan di sebelah bandar dan pesisir sungai seperti Kampung Makam, Kampung Kelantan, Kampung Panti dan Kampung Jawa dapat berhubung lebih mudah ke kawasan arah sebelah balai polis, termasuk ke Kampung Tembioh, Kampung Seri Lalang dan Kampung Batu 25.

Beliau berkata, pembinaan jambatan itu juga, menamatkan era penggunaan perahu dan sampan kecil untuk menyeberangi sungai itu.

“Sejak pembinaan jambatan bertentangan balai polis sekitar 1930-an, ekonomi dan pembangunan bandar ini turut berkembang maju,” katanya.

Beliau berkata, sehingga ke hari ini, tiada satu pun nama khusus diberikan kepada jambatan itu, namun, penduduk bandar ini sudah biasa menyebut dan menggelarnya sebagai Jambatan Kota.

Dari segi sejarah pembinaan, jambatan itu dibina kerajaan British berasaskan besi, sekali gus membolehkan kenderaan berat termasuk kenderaan berat tentera British melaluinya.

Selepas kira-kira 10 tahun digunakan, British mengembom jambatan itu bagi menahang

kemaraan tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua pada Disember 1941. Tentera Jepun dijangka melalui bandar Kota Tinggi untuk mara ke Johor Bahru dan Singapura.

Bagaimanapun, andaian British itu meleset apabila tentera Jepun melalui pekan Endau, Mersing kemudian terus ke Johor Bahru dan tidak memasuki Kota Tinggi. Oleh itu, tindakan British mengembom jambatan adalah satu kesilapan.

Pada zaman pemerintahan Jepun, mereka membina jambatan sementara pada Februari 1941 yang berasaskan besi terapung. Ia berlantaikan papan serta tong minyak dan hanya boleh digunakan untuk laluan pejalan kaki dan basikal saja.

Ketika British kembali memerintah, mereka mendirikan jambatan kayu dan digunakan hingga 1961. Selama kira-kira 15 tahun, jambatan kayu itu menjadi penghubung penduduk di antara kedua belah pinggir sungai.

Bagaimanapun, pada 1962, jambatan kayu dirobohkan dan digantikan dengan jambatan konkrit yang pembinaannya siap pada 1963.

“Kedudukan jambatan konkrit yang ada sekarang dibina di lokasi baru, berbanding jambatan asal yang dibina bertentangan dengan Balai Polis Trafik Kota Tinggi,” katanya.

Jambatan merentasi Sungai

Johor itu sentiasa menjadi sebutan, fokus dan rujukan kepada beberapa peristiwa, malah ia menjadi satu daripada mercu tanda kepada bandar ini.

Ketika banjir besar melanda Kota Tinggi pada Januari 2007, jambatan itu menjadi fokus media seluruh negara, apabila gambar dari udara jambatan yang hampir tenggelam itu dipapar hampir semua media arus perdana.

Sebelum itu, banjir besar beberapa kali melanda kawasan ini termasuk pada 1956 dan 1969, ketika ini fokus media juga bertumpu kepada jambatan berkenaan yang membuktikan ia adalah mercu kedudukan bandar ini.

Selain menjadi tumpuan pemancing setiap hujung minggu, Jambatan Kota juga menjadi sasaran ditampal poster dan bendera pada pilihan raya. Ia juga menjadi garis permulaan acara sukan air dan sebagainya. Paling penting, jambatan ini pernah menjadi sebutan selepas kejadian misteri yang berlaku sekitar 1960-an.

Kejadian itu berlaku apabila seorang lelaki yang dikatakan berketurunan Bentan tiba-tiba mengalami muntah-muntah sebaik melintasi jambatan itu. Namun, apabila ia berpatah balik dan tidak memasuki kawasan bandar Kota Tinggi, keadaannya kembali sembuh dan tidak mengalami muntah-muntah lagi.

fakta

Jambatan Kota

- 1962 - Jambatan kayu dirobohkan dan digantikan dengan jambatan konkrit yang pembinaan siap pada 1963.
- Menteri Kerja Raya, Datuk V T Sambanthan merasakan jambatan itu.
- Antara mercu tanda utama bandar Kota Tinggi sekarang adalah Dataran Kota, Bangunan Sultan Iskandar, Tugu Kota dan Keris.
- Menara Jam Besar juga pernah dibina di sini pada 1960 terletak di Jalan Lombong.

Imbangan